

**PENGARUH PENGURUSAN KOKURIKULUM DAN KETERLIBATAN PELAJAR
DALAM KOKURIKULUM TERHADAP KEMAHIRAN INSANIAH DALAM
KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI WILAYAH PERSEKUTUAN
LABUAN**

**Roslee Talip¹
Mohd. Yusof Abdullah²
Dg. Norizah Ag. Kiflee@Dzulkifli¹
Elizabeth Lim Siew Ping¹
Universiti Malaysia Sabah¹
Kolej Universiti Islam Melaka²**

Corresponding Author's Email: roslee_73@ums.edu.my

Article History:

*Received : 3 October 2021
Accepted : 18 October 2021
Published : 30 December 2021*

ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pengurusan kokurikulum pelajar, keterlibatan pelajar dalam kokurikulum dan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Labuan. Kajian kuantitatif berbentuk deskriptif ini dijalankan secara tinjauan menggunakan instrumen soal selidik melibatkan responden seramai 320 orang pelajar tingkatan empat yang terlibat dalam kegiatan kokurikulum di 9 buah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Labuan. Pemilihan sampel kajian menggunakan pensampelan rawak berstrata berkadar. Data kajian ini dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 26.0. Berdasarkan analisis deskriptif, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap pengurusan kokurikulum pelajar berada pada tahap yang tinggi ($M=3.77$). Manakala tahap keterlibatan pelajar dalam kokurikulum ($M=3.47$) dan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar ($M=3.64$) masing-masing berada pada tahap sederhana. Analisis Korelasi Pearson pula mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengurusan kokurikulum pelajar dan keterlibatan pelajar dalam kokurikulum dengan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Labuan ($r=0.39$).

Kata Kunci: Pengurusan Kokurikulum Pelajar, Keterlibatan Pelajar, Kemahiran Insaniah

**THE INFLUENCE OF CO-CURRICULUM MANAGEMENT AND STUDENT INVOLVEMENT
IN CO-CURRICULUM ON SOFT SKILLS AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS IN
THE FEDERAL TERRITORY OF LABUAN**

Abstract

This study is to identify the levels of student co-curricular management, student involvement in co-curriculars and soft skills among high school students in the Federal Territory of Labuan. This descriptive quantitative study was carried out in a review using questionnaire instrument involving 320 fourth-grade students who involved in co-curricular activities in 9 secondary schools in the Federal Territory of Labuan. The study sample was selected using graded stratified random sampling. The data of this study were analyzed using Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 26.0. Based on descriptive analysis, the findings of this study show that the level of co-curricular management of students is at a high level ($M = 3.77$). While the level of student involvement in co-curriculum ($M = 3.47$) and soft skills among students ($M = 3.64$) are each at a moderate level. Pearson Correlation Analysis found that there is a significant relationship between student co-curriculum management and student involvement in co-curriculum with soft skills among secondary school students in the Federal Territory of Labuan ($r = 0.39$).

Keywords: *Student Co-Curriculum Management, Student Involvement, Soft Skills*

PENGENALAN

Kokurikulum adalah penting untuk merealisasikan konsep pengetahuan, pengalaman dan kemahiran merentasi kurikulum di mana ia merangkumi aktiviti pendidikan jasmani, seni dan rekreasi, aktiviti sains dan teknologi serta aktiviti kumpulan dan sosial. Keperluan ini dilihat selari dengan dasar pendidikan semasa yang menyasarkan keseimbangan antara bidang akademik dan bukan akademik. Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, aktiviti kokurikulum berupaya memberi peluang kepada murid untuk membina kekuatan jasmani, menguatkan keupayaan mental, membantu dalam kestabilan emosi dan seterusnya kepada kemantapan rohani dalam menerapkan nilai-nilai murni berlandaskan pegangan kepada agama yang dianuti. Proses pembinaan individu ini perlu berterusan dan bersifat holistik tanpa ada jurang pemisahan antara kurikulum dan kokurikulum (Abdul Alim, 2004; Tam, 2010). Namun begitu, kejayaan seseorang pelajar dalam bidang kokurikulum bergantung kepada tahap pelaksanaan pengurusan kokurikulum yang kompeten oleh guru yang akan memberikan impak positif terhadap penglibatan keseluruhan pelajar sekolah.

Menurut Mohamad Najib dan Jamaliah (2013), faktor pengurusan kokurikulum berkesan adalah merujuk kepada komitmen guru. Pengurusan kokurikulum dapat dikendalikan dengan baik dan teratur, andai guru yang menguruskannya menguasai kemahiran melaksana pengurusan kokurikulum seperti merancang, mengelola, memimpin dan mengawal. Segala perancangan, pentadbiran dan pengelolaan aktiviti kokurikulum perlu diberi perhatian terutamanya daripada segi pengurusan supaya ia dapat memberikan impak yang positif terhadap pencapaian kokurikulum pelajar (Haslinda, Siti Noriam dan Mohd Radzani, 2015).

Keterlibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum juga adalah penting kerana pelajar yang terlibat dengan aktiviti kokurikulum membolehkan mereka menggunakan segala kemahiran yang ada bagi menjalankan sesuatu aktiviti. Ini secara tidak langsung akan membolehkan mereka menentengahkan bakat dan potensi diri untuk digilap supaya menjadi lebih baik pada masa akan datang dan mampu bersaing dengan rakan sebaya yang mempunyai pengalaman serta pengetahuan yang berbeza di antara satu sama lain (Wardatul Aishah dan Nooraini, 2014).

Selaras dengan transformasi kegiatan kokurikulum, penekanan dalam aspek kemahiran insaniah yang perlu diterapkan dalam kalangan pelajar melalui aktiviti kokurikulum. Dalam memperkasakan penerapan kemahiran insaniah pelajar, pelaksanaan kokurikulum perlulah dilaksanakan dengan sistematik begitu juga dengan penglibatan pelajar secara menyeluruh dalam

kegiatan kokurikulum di sekolah. Menurut Ahmad Anuar dan Esa (2010), penekanan aspek kemahiran insaniah adalah untuk melahirkan pelajar yang mampu berdaya saing dan fleksibel apabila berhadapan dengan pelbagai situasi masa kini dan akan datang.

PERNYATAAN MASALAH

Kebanyakan pelajar gagal mempamerkan keterampilan serta tidak mempunyai kemahiran lebih-lebih lagi kemahiran insaniah yang merupakan tuntutan majikan serta bagi pasaran kerja yang kian mencabar. Pelajar yang hanya memiliki keterampilan dari sudut akademik semata-mata sebenarnya masih tidak mampu untuk menjamin mereka untuk mendapatkan pekerjaan disebabkan pada masa kini berlakunya persaingan sengit dalam dunia pasaran kerjaya. Ini jelas menunjukkan bahawa graduan bukan sahaja perlu cemerlang dalam aspek akademik semata-mata tetapi juga perlu menguasai kemahiran-kemahiran insaniah.

Menurut Poh (2000) pelajar masih lemah dalam penguasaan kemahiran berfikir, kemahiran penyelesaian masalah secara kreatif, kemahiran membuat keputusan dan kemahiran mengambil keputusan dalam aktiviti kokurikulum. Selain itu, kemahiran kepimpinan dapat dipupuk melalui aktiviti kokurikulum (Juliza Ezaida, 2014). Namun, pelajar tidak bergiat aktif dalam aktiviti kokurikulum di sekolah.

Kokurikulum didapati berupaya membina fizikal, emosi dan spiritual pelajar dengan menawarkan pengetahuan baru dan kemahiran yang lebih mencabar berteraskan konsep pendidikan dan pembangunan insan yang seimbang yang selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Kokurikulum merupakan aktiviti berkumpulan melibatkan penyertaan yang aktif bermatlamat untuk membantu pelajar meningkatkan kemahiran insaniah (*soft skills*) mereka (Lokman dan Osmayati, 2010). Justeru, penubuhan organisasi pengurusan di sekolah adalah penting bagi memastikan proses pengurusan kokurikulum berada pada tahap yang cemerlang dalam aspek perancangan, pengelolaan, pelaksanaan dan penilaian. Selain itu, keterlibatan pelajar secara aktif dalam aktiviti kokurikulum juga adalah penting kerana ia dapat memberi impak kepada kemahiran insaniah pelajar.

Masalah pengurusan kokurikulum timbul akibat tidak semua guru mempunyai kebolehan dan kebijaksanaan dalam merancang aktiviti kokurikulum. Menurut Noor Azzam, Teoh, Noor Azzura dan Noor Hassline (2017), aspek perancangan adalah penting dalam merancang takwim dan aktiviti kokurikulum. Kajian oleh Hamidah dan Rahman (2012) mendapati kebolehan merancang dan mengelolakan aktiviti dan kebolehan penyediaan perancangan jangka pendek atau jangka panjang bagi aktiviti kokurikulum adalah pada tahap yang kurang memuaskan di sekolah.

Kompetensi guru dalam merancang setiap aktiviti dapat menentukan keberkesanan pelaksanaan kokurikulum di sekolah. Namun, tidak semua guru komited dalam memikul tanggungjawab melaksanakan aktiviti kokurikulum di sekolah akibat kurang minat dan kurang kemahiran dalam kalangan guru. Dapatan kajian Abdul Halim (2005) menunjukkan kurangnya kemahiran guru penasihat dalam unit kokurikulum yang dibimbing menjadi salah satu punca masalah dalam pengurusan kokurikulum. sehingga tidak mampu menarik minat pelajar untuk menyertainya.

Seterusnya, guru novis kurang pengetahuan dan kemahiran untuk menjalankan aktiviti kokurikulum kerana kursus berkaitan pengurusan kokurikulum kurang diberikan kepada guru (Mohd Jaflus, 2013). Keadaan ini telah menyumbang kepada kegagalan fungsi kokurikulum dalam pembangunan modal insan. Pihak pentadbir sekolah juga perlu mengawal selia aktiviti kokurikulum yang dijalankan ke arah memperkasakan aktiviti di sekolah. Penilaian aktiviti kokurikulum iaitu Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) dapat menggalakkan pelajar untuk meningkatkan penglibatan mereka secara menyeluruh. Malangnya, kemahiran yang lemah dan kekurangan maklumat mengenai PAJSK menyebabkan segelintir guru yang mengambil mudah sistem PAJSK ini.

Dalam kajian Noor Azzam *et al.*, (2017) mengulas bahawa kebanyakan sekolah masih berhadapan dengan masalah ketidakmampuan menyediakan peralatan dan kemudahan yang mencukupi dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum. Faktor struktur seperti kemudahan dan peralatan sukan telah mengehadkan penglibatan pelajar dalam sukan permainan di sekolah. Faktor intrapersonal seperti persepsi negatif pelajar terhadap aktiviti kokurikulum di mana mereka menganggap aktiviti kokurikulum adalah kurang penting dalam menjamin masa depan pelajar.

Faktor kurang sokongan ibu bapa juga akan mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Dalam kajian Syed Kamaruzaman dan Muhamad Akbar (2014) mendapati bahawa sebahagian besar ibu bapa mempunyai persepsi yang negatif terhadap aktiviti kokurikulum di sekolah. Mereka menganggap aktiviti kokurikulum seperti sukan hanya membuang masa anak-anak mereka dan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum tidak akan membantu anak-anak mereka dalam peperiksaan (Abdul Razak, 2012).

OBJEKTIF KAJIAN

- a) Mengetahui tahap pengurusan kokurikulum pelajar, keterlibatan pelajar dalam kokurikulum dan kemahiran insaniah pelajar sekolah menengah Wilayah Persekutuan Labuan.
- b) Mengetahui hubungan antara pengurusan kokurikulum pelajar dan keterlibatan pelajar dalam kokurikulum dengan kemahiran insaniah pelajar sekolah menengah Wilayah Persekutuan Labuan.

KAJIAN LITERATUR

a) Pengurusan Kokurikulum

Pengurusan kokurikulum merupakan suatu proses yang terdiri daripada perancangan, menyusun, memimpin dan mengawal sumber dan menyelia kerja kakitangan untuk mencapai objektif (Norhidayati dan Muhammad Hussin, 2018). Merujuk Buku Panduan Pengurusan Kokurikulum (2009), terdapat 45 jenis persatuan dan kelab, 43 jenis sukan dan permainan serta 19 jenis pasukan badan beruniform yang boleh dijalankan di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Sehubungan itu, sekolah perlu menubuhkan pelbagai pasukan badan beruniform, persatuan, kelab, sukan atau permainan bagi memastikan murid berpeluang untuk mengembangkan bakat dan potensi masing-masing dalam kokurikulum sehinggalah ke peringkat antarabangsa (Nor Suhara dan Jamil, 2010). Berdasarkan Model Pengurusan Stoner, Freeman dan Gilbert (1995), terdapat empat proses pengurusan iaitu merancang, mengelola, memimpin dan mengawal. Daripada segi amalan, proses pengurusan tidak berlaku secara berasingan tetapi saling berhubungan antara satu sama lain.

Kajian Mohamad Amran (2013) yang menyatakan guru-guru setakat menghadirkan diri dalam kegiatan kokurikulum tanpa suatu perancangan yang rapi dan hanya mampu mencatat kehadiran pelajar. Dapatan Azwan (2015) pula mendapati bahawa sikap guru dan amalan pengurusan kokurikulum di Sekolah Berasrama Penuh berada pada tahap yang rendah. Kajian Ahmad, Mohd Khir, Nawawi, Norashidah dan Zalinah (2015), Azizah (2000) dan Suzie Joe (2015) yang merumuskan bahawa terdapat ramai guru yang gagal menjalankan tanggungjawab sebagai guru kokurikulum di sekolah kerana mereka kurang kemahiran, pengetahuan dan latihan untuk melaksanakan urusan kerja berkaitan dengan kokurikulum. Menurut Fauzi, Yahya, Mohd Sofian, Yaakob, Arumugam, Ismail dan Muhamadul (2014), guru yang terlatih harus dilengkapi dengan pengetahuan yang berkaitan dengan aktiviti kokurikulum supaya mereka berkeupayaan untuk menghasilkan individu yang berkemahiran. Dalam kajian Zulkifli dan Norazilawati (2016) mengenai penilaian guru sekolah rendah di daerah Kinta Utara terhadap PAJSK, didapati tahap kesediaan guru dalam melaksanakan PAJSK berada pada tahap yang sederhana.

b) Keterlibatan Pelajar dalam Kokurikulum

Keterlibatan membawa erti perbuatan atau hal melibatkan diri dalam sesuatu perkara (Mohd Fazli, Suhaida dan Soaib, 2013). Keterlibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum dapat membentuk jati diri, sahsiah, ketrampilan, kemahiran insaniah, perkembangan bakat, minat dan rohani pelajar. Pelajar mendapat pengalaman pendidikan yang dilaksanakan di luar bilik darjah (Ahmad Esa dan Mohamad Zaid, 2010). Berdasarkan teori penglibatan Austin (1999), penglibatan pelajar boleh diukur secara kuantitatif berdasarkan beberapa jam pelajar menyertai dan menghadiri sebarang perjumpaan. Penglibatan pelajar juga boleh diukur secara kualitatif dengan mengambil kira masa yang pelajar itu

meluangkan untuk berfikir mengenai pengalaman perjumpaan dalam sebarang aktiviti dalam kehidupannya.

Penglibatan adalah sebagai kadar tenaga fizikal dan psikologi yang digunakan oleh pelajar berhubung dengan pengalaman akademik (Astin, 1999). Menurut Crawford dan Godbey (1987), terdapat tiga faktor penglibatan di dalam hierarki penghalang masa lapang iaitu faktor struktur, faktor interpersonal dan faktor intrapersonal (Mohd Jaflus, 2013). Dalam Model Hierarki Penghalang Masa Lapang Crawford dan Godbey, faktor penghalang penglibatan utama ialah intrapersonal, diikuti oleh interpersonal dan akhir sekali ialah faktor struktur. Ketiga-tiga faktor tersebut mendorong penglibatan aktif pelajar dalam aktiviti kokurikulum di sekolah.

Faktor struktur termasuk ciri-ciri kemudahan atau program aktiviti bersukan. Kajian lepas yang telah dijalankan oleh Abdul Razak (2012) yang menyatakan bahawa pihak sekolah tidak menyediakan prasarana yang cukup untuk menjalankan pelbagai aktiviti sukan. Hal ini demikian kerana pihak sekolah menghadapi masalah kewangan untuk membina gelanggang badminton, tenis dan sebagainya. Kajian Rosnida dan Nur Farrah (2016) yang mendapati bahawa pengaruh rakan sebaya menjadi penyebab pelajar tidak melibatkan diri dengan aktiviti kokurikulum dan mendapati bahawa pelajar ramai pelajar bersetuju bahawa aktiviti kokurikulum membosankan serta tidak memberi cabaran kepada mereka. Kebanyakan ibu bapa kurang mendorong penglibatan anak-anak dalam kegiatan kokurikulum di sekolah (Biddle, 1995 dan Mustafa Kamal, 2000).

c) Kemahiran Insaniah

Menurut Mohamad Ridzuan, Hishamudin, Mohd Faisol, Nobilah dan Norlelawati (2015), kemahiran insaniah adalah sebahagian daripada kemahiran generik. Ia merujuk kepada penguasaan pelajar dalam kemahiran yang bersifat bukan akademik dan lebih terfokus kepada pembangunan keterampilan diri, personaliti dan kemanusiaan. Kemahiran komunikasi ialah suatu proses penyampaian maklumat atau informasi di antara beberapa orang. Menurut Paul dan Edler (2001), pemikiran kritis didefinisikan sebagai keupayaan minda untuk menganalisis, mentafsir dan menilai kebernasan sesuatu hujah.

Pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah merupakan satu proses menilai maklumat dengan tujuan membuat sesuatu keputusan. Kepimpinan merupakan proses mempengaruhi kegiatan kelompok yang diorganisasikan dalam usaha untuk menentukan tujuan dan pencapaian. Kemahiran kepimpinan dapat dibentuk apabila seseorang individu itu dapat melaksanakan tugas sebagai ketua kumpulan atau orang yang memimpin dengan baik dan teratur (Yukl, 2001). Menurut Sullivan dan Wilson (2015) dan Weelan (2010), kerja berkumpulan merupakan salah satu kaedah pembelajaran koperatif dan kerja kumpulan saling bergantung secara positif dan berusaha untuk mencapai matlamat yang sama.

Berdasarkan Teori Pembelajaran Kolb (1984), penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum di sekolah dapat meningkatkan kemahiran insaniah mereka. Dalam Model Kolb (1984), terdapat empat proses pembelajaran iaitu melalui pengalaman konkrit atau konseptual abstrak dan eksperimentasi aktif atau pemerhatian reflektif. Proses pembelajaran (kemahiran generik) diperoleh dan dicipta melalui interaksi seseorang itu dengan persekitarannya (aktiviti kokurikulum).

Dapatan kajian Kamalularifin, Maliani, Nor Fadila, Asnul, Sarimah dan Yusri (2013) menunjukkan pelajar Institut Latihan Perindustrian yang dikaji berada pada tahap sederhana untuk dimensi kemahiran komunikasi. Kajian Masfizaizan, Emilawati dan Noorashikin (2018) mendapati aktiviti khidmat masyarakat memberi impak yang tinggi kepada kemahiran menyelesaikan masalah. Seterusnya, dapatan kajian Alunawati dan Ahmad (2015) mendapati bahawa elemen kemahiran kerja berpasukan dapat diterapkan melalui kokurikulum hoki di UTHM. Kajian Ahmad, Kamaruddin, Sarebah dan Aida (2014) menunjukkan keupayaan kokurikulum Silat Seni Gayung Malaysia dalam membina kemahiran kepimpinan pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

METODOLOGI

Kajian yang dijalankan ini menggunakan kaedah tinjauan di mana data dalam kajian ini dikumpulkan dan dianalisis melalui borang soal selidik yang mengandungi 86 item. Terdapat empat bahagian utama iaitu Bahagian A: Demografi Responden, Bahagian B: Pengurusan Kokurikulum Pelajar, Bahagian C: Keterlibatan Pelajar dalam Kokurikulum dan Bahagian D: Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Pelajar. Soal selidik ini diadaptasi daripada soal selidik dalam kajian Muhamad Fikri (2019), Mohamad Najib dan Jamaliah (2013), Mohd Jaflus (2013) dan Norazila Mat, Muhammad Syafiq, Nur Atiqah, Nazri dan Jamsari (2017). Untuk mendapatkan kebolehpercayaan instrumen, kajian rintis telah dijalankan yang melibatkan seramai 35 orang pelajar tingkatan empat. Populasi kajian ini seramai 1062 orang pelajar tingkatan empat yang terdiri daripada 9 buah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Labuan. Pengkaji menggunakan pensampelan rawak berstrata berkadar dengan menetapkan sebanyak 30 peratus kadaran bagi setiap strata untuk mendapatkan sampel kajian. Pemilihan sampel kajian dibuat secara rawak mudah dari setiap strata oleh penyelidik. Penentuan saiz sampel adalah berdasarkan jadual yang dikemukakan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Oleh itu, saiz sampel kajian ini sebanyak 320 orang pelajar tingkatan empat yang dipilih sebagai responden. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 26.0.

DAPATAN KAJIAN

a) Analisis Tahap Pengurusan Kokurikulum Pelajar, Keterlibatan Pelajar dalam Kokurikulum dan Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Pelajar

Jadual 1 menunjukkan taburan min dan sisihan piawai tahap pengurusan kokurikulum pelajar mengikut dimensi merancang, mengelola, memimpin dan mengawal. Berdasarkan dapatan kajian tersebut, didapati bahawa dimensi mengawal mencatatkan min yang tertinggi ($M=3.91$, $SP=0.57$), diikuti dengan dimensi memimpin ($M=3.75$, $SP=0.57$), dimensi mengelola ($M=3.73$, $SP=0.59$) dan dimensi merancang ($M=3.69$, $SP=0.57$). Secara keseluruhannya, dapatan min pengurusan kokurikulum pelajar berada dalam aras tinggi iaitu 3.77. Ini menunjukkan tahap pengurusan kokurikulum pelajar adalah tinggi di sekolah-sekolah kajian.

Jadual 1: Analisis Tahap Pengurusan Kokurikulum Pelajar

	N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Aspek Merancang	320	2.44	4.67	3.69	.57	Tinggi
Aspek Mengelola	320	2.20	4.80	3.73	.59	Tinggi
Aspek Memimpin	320	2.43	4.86	3.75	.57	Tinggi
Aspek Mengawal	320	2.33	5.00	3.91	.57	Tinggi
Tahap Keseluruhan				3.77		Tinggi

Jadual 2 menunjukkan analisis tahap keterlibatan pelajar dalam kokurikulum di sekolah-sekolah kajian mengikut dimensi faktor struktur, intrapersonal dan interpersonal. Dapatan kajian memaparkan dimensi faktor intrapersonal mencatatkan min yang tertinggi iaitu sebanyak $M=3.63$ dengan sisihan piawai 0.47 berbanding dengan dimensi faktor struktur ($M=3.58$, $SP=0.59$) dan faktor interpersonal ($M=3.20$, $SP=0.48$). Kesimpulannya, tahap keterlibatan pelajar dalam kokurikulum di sekolah-sekolah kajian berada pada tahap yang sederhana ($M=3.47$).

Jadual 2: Analisis Tahap Keterlibatan Pelajar dalam Kokurikulum

	N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Faktor Struktur	320	2.17	4.50	3.58	.59	Sederhana
Faktor Intrapersonal	320	2.22	4.33	3.63	.47	Sederhana
Faktor Interpersonal	320	2.22	4.33	3.20	.48	Sederhana
Tahap Keseluruhan				3.47		Sederhana

Dapatan kajian yang ditunjukkan dalam Jadual 3 memaparkan analisis tahap kemahiran insaniah pelajar mengikut dimensi komunikasi, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, kerja berpasukan dan kepimpinan. Berdasarkan hasil analisis kajian, didapati bahawa semua dimensi dalam kemahiran insaniah pelajar berada dalam aras tinggi kecuali dimensi komunikasi berada dalam min 3.44 (SP=0.53) iaitu dalam aras sederhana. Ini menunjukkan kemahiran komunikasi kurang dipraktikkan dalam kalangan pelajar. Seterusnya, kemahiran pemikiran kritis dan penyelesaian masalah menunjukkan min yang tertinggi iaitu 3.72 (SP=0.44), diikuti dengan kemahiran kepimpinan (M=3.70, SP=0.34) dan kemahiran kerja berpasukan (M=3.69, SP=0.50). Oleh itu, dapatan min keseluruhan bagi tahap kemahiran insaniah pelajar berada pada tahap sederhana (M=3.64).

Jadual 3: Analisis Tahap Kemahiran Insaniah Pelajar

	N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Komunikasi	320	2.33	4.33	3.44	.53	Sederhana
Pemikiran Kritis dan Penyelesaian Masalah	320	2.44	4.56	3.72	.44	Tinggi
Kerja Berpasukan	320	2.36	4.64	3.69	.50	Tinggi
Kepimpinan	320	2.73	4.36	3.70	.34	Tinggi
Tahap Keseluruhan				3.64		Sederhana

b) Analisis Korelasi Pearson

Jadual 4 menunjukkan analisis Korelasi Pearson antara hubungan pengurusan kokurikulum pelajar terhadap kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar di sekolah-sekolah menengah, Wilayah Persekutuan Labuan. Berdasarkan dapatan nilai koefisien ujian Korelasi Pearson, dibuktikan bahawa wujudnya hubungan positif yang signifikan di antara pemboleh ubah bebas pengurusan kokurikulum pelajar ($r=0.61$, $p<0.05$) dengan pemboleh ubah bersandar kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang kuat antara kedua-dua pemboleh ubah berpandukan indeks korelasi yang dicadangkan oleh Ary, Jacobs, Razavieh dan Sorenson (2006). Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengurusan kokurikulum pelajar dengan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar.

Jadual 4: Analisis Korelasi Pearson antara Hubungan Pengurusan Kokurikulum Pelajar terhadap Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Pelajar

		Insaniah	Pkokum
Kemahiran Insaniah Pelajar	Pearson Correlation	1	.61**
	Sig. (2-tailed)		.001
	N	320	320
Pengurusan Kokurikulum Pelajar	Pearson Correlation	.61**	1
	Sig. (2-tailed)	.001	
	N	320	320

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Dapatan nilai koefisien ujian Korelasi Pearson seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5 membuktikan bahawa wujudnya hubungan positif yang signifikan antara pemboleh ubah keterlibatan pelajar dalam kokurikulum ($r=0.39$, $p<0.05$) dengan pemboleh ubah bersandar kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar. Walau bagaimanapun, nilai pekali korelasi 0.39 menunjukkan hubungan yang lemah antara pemboleh ubah berdasarkan Indeks Korelasi Ary *et al.* (2006). Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap keterlibatan pelajar dalam kokurikulum dengan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar di sekolah-sekolah kajian.

Jadual 5: Analisis Korelasi Pearson antara Hubungan Keterlibatan Pelajar dalam Kokurikulum Terhadap Kemahiran Insaniah dalam Kalangan Pelajar

		Insaniah	Keterlibatan
Kemahiran Insaniah Pelajar	Pearson Correlation	1	.39**
	Sig. (2-tailed)		.001
	N	320	320
Keterlibatan Pelajar dalam Kokurikulum	Pearson Correlation	.39**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	
	N	320	320

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

KESIMPULAN

Proses pengurusan kokurikulum dan keterlibatan dalam kokurikulum adalah sangat penting dalam memastikan pembentukan kemahiran insaniah dalam diri pelajar menerusi aktiviti kokurikulum di sekolah. Ini adalah kerana penerapan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar bergantung kepada pengurusan kokurikulum pelajar yang cekap dan keterlibatan yang aktif dalam kokurikulum. Namun demikian, keterlibatan pelajar dalam kokurikulum dan kemahiran insaniah pelajar masih berada pada tahap sederhana. Justeru itu, keterlibatan pelajar dalam kokurikulum perlu ditingkatkan bagi memastikan penerapan kemahiran insaniah dalam diri pelajar dapat diintegrasikan melalui aktiviti kokurikulum khususnya kemahiran komunikasi. Selain itu, pengurusan kokurikulum perlu dimantapkan lagi di peringkat sekolah di bawah kepimpinan Penolong Kanan Kokurikulum dan guru penasihat yang dilantik untuk menjamin keberkesanan pelaksanaan kegiatan kokurikulum di sekolah. Dengan adanya keberkesanan pelaksanaan kegiatan kokurikulum dan keterlibatan pelajar yang aktif

dalam kokurikulum, maka kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar dapat dikembangkan. Ini adalah selaras dengan matlamat FPK yang ingin melahirkan pelajar yang seimbang.

Berdasarkan hasil kajian yang diperoleh, penyelidik mencadangkan supaya kajian dilaksanakan kepada semua pelajar menengah atas dari sekolah yang berbeza seperti sekolah berasrama penuh, sekolah kluster dan sekolah agama supaya gambaran yang tepat tentang pengurusan kokurikulum, keterlibatan pelajar dalam kokurikulum dan penguasaan kemahiran insaniah pelajar dapat diperoleh. Selain itu, kajian lanjut juga boleh dijalankan terhadap pelaksanaan kokurikulum dan keterlibatan pelajar dalam kokurikulum dengan kemahiran insaniah pelajar di sekolah berasrama penuh dan sekolah swasta.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Alim Rahim. 2004. *Pengurusan Gerak Kerja Kokurikulum*. Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Abdul Halim Abdul Malik. 2005. Faktor-faktor Penghalang dalam Pengurusan Kokurikulum di Sebuah Sekolah Menengah di Melaka. Institut Pengajian Kepengetuaan. Universiti Malaya.
- Abdul Razak Husin. 2012. Punca-punca Murid tidak Melibatkan Diri dalam Kokurikulum. Dipetik dari <https://www.waktusolat.net/abdulrazakhusin69.blogspot.com/2012/06/punca-punca-murid-t.html>. Dicetak 22 November 2019.
- Ahmad Anuar, A. dan Esa, A. 2010. Penerapan Kemahiran Insaniah di Pusat Giat Mara (PGM): Satu Analisis Perbandingan dalam Esa, A. dan Mustafa, M. Z. (Ed). *Kemahiran Insaniah: Kajian di Institusi-institusi Pengajian*. Batu Pahat: Penerbit UTHM. Hlm. 1-19.
- Ahmad Esa dan Mohamad Zaid Mustafa. 2010. Kemahiran insaniah: Kajian di Institusi-institusi Pengajian. Dalam Badaruddin Ibrahim, Sufian Mastor, Kahirol Mohd Salleh dan Nor Lisa Sulaiman (pnyt). *Kemahiran Berpasukan Menerusi Penyertaan Dalam Kokurikulum di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*. Batu Pahat: Penerbit Universiti Tun Hussein Onn. Hlm. 45-71.
- Ahmad Esa, Kamaruddin Khalid, Sarebah Warman dan Aida Ilyani Ali. 2014. Penerapan dan Kesedaran Kemahiran Kepimpinan Menerusi Kokurikulum Silat dalam Kalangan Pelajar UTHM. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pembangunan Holistik Pelajar (NAHSDEC)*.
- Ahmad Esa, Mohd Khir Mohd Nor, Nawawi Jusoh, Norashidah Abd Rahman dan Zalinah Salehon. 2015. *Citra Kokurikulum*. (Penerbit UTHM, Ed.). Penerbit UTHM.
- Alunawati Buhari dan Ahmad Esa. 2015. Pembangunan Kemahiran Kerja Berpasukan Menerusi Kokurikulum Sukan Hoki dalam Kalangan Pelajar UTHM Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Johor.
- Ary, D., Jacobs, L. C., Razavieh, A., and Sorenson, C. 2006. *Introduction to Research in Education* (7th ed.). Belmont, CA: Wadsworth.
- Azizah Nordin. 2000. Kokurikulum dan Sumbangan Terhadap Perkembangan Diri Individu Secara Menyeluruh. *Jurnal Pendidikan Guru*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Azwan Wamin. 2015. Hubungan antara Sikap Guru terhadap Kokurikulum Sekolah Berasrama Penuh di Negeri Selangor. Tesis Sarjana Pendidikan: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Biddle, S. J. 1995. Exercise Motivation Across the Life Span. *European Perspective on Exercise and Sport Psychology*. (3-25, Leeds: Human Kinetics Europe.
- Crawford, D. and Godbey, G. 1987. Reconceptualizing Barriers to Family Recreation. *Leisure Sciences*. Vol. 9(3):119-127.
- Fauzi Hussin, Yahya Don, Mohd Sofian Omar-Fauzee, Yaakob Daub, Arumugam Raman, Ismail H.A, dan Muhamadul B.Y. 2014. Co-Curricular Management Practices Among Novice Teachers in Malaysia. *Asian Journal of Education and E-Learning*. Vol. 2(02):119-125.
- Hamidah Yusof dan Rahman Ahmad. 2012. Analisis Kepentingan - Kejayaan Pengurusan Kokurikulum. *Management Research Journal*. Vol. 2:75-85.
- Haslinda Husain, Siti Noriam Yaakob dan Mohd Radzani Abdul Razak. 2015. Kompetensi Guru dan Hubungannya dengan Pencapaian Kokurikulum Murid di Sekolah Menengah. *Simposium Pendidikan Diperibadikan: Perspektif Risalah An-Nur (SPRiN2017)*.

- Juliza Ezaida Jumelan. 2014. Penguasaan Kemahiran Insaniah Pelajar dalam Penglibatan Aktiviti Kokurikulum Badan Beruniform di UTHM. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Kamalularifin Subari, Maliani Mohamad, Nor Fadila Mohd Amin, Asnul Dahar Minghat, Sarimah Ismail dan Yusri Kamin. 2013. Meninjau Kemahiran Insaniah Pelatih Institut Latihan Perindustrian (ILP) dalam Kerjaya. *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013)*, Isqae. Hlm. 40-44.
- Kolb, D. A. 1984. *Experiential Learning as a Source of Development*. New Jersey: Prentice Hall.
- Krejcie, R.V. and Morgan, D.W. 1970. *Determining Sample Size for Research Activities. Educational and Psychological Measurement*. 30, 607-610.
- Lokman Mohd Tahir dan Osmayati Othman. 2010. Keperluan Aktiviti Kokurikulum (Beruniform) kepada Pelajar Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Langkawi. Tesis Sarjana yang tidak Diterbitkan: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Masfizaizan Manaf, Emilawati Othman dan Noorashikin Ahmad. 2018. Impak Aktiviti Khidmat Masyarakat Terhadap Pembangunan Kemahiran Insaniah Pelajar Kejuruteraan Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin. *Jurnal Konseling dan Pendidikan*. Vol 6 (2):78-86. Dipetik dari <https://doi.org/10.29210/127700>. Dicitak 18 Disember 2019.
- Mohamad Amran Kamsi. 2013. *Melindungi Masa Instruksional dalam Kegiatan Kokurikulum di Sekolah: Isu dan Cadangan Penyelesaian*. Kuala Lumpur: Bahagian Kokurikulum dan Kesenian.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar dan Jamaliah Jalaludin. 2013. Komitmen Guru-guru Terhadap Pengurusan Kokurikulum di Sekolah-sekolah Kebangsaan Negeri Johor. Tesis Sarjana: Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Ridzuan Lau, Hishomudin bin Ahmad, Mohd Faisol Ibrahim, Nabilah Yusof dan Norlelawati Arifin. 2015. Kemahiran Insaniah dan Aktiviti Ko-kurikulum di Sekolah Menengah dan Universiti Awam. *International Language and Education Conference (ILEC 2015)* (p.267). Seremban.
- Mohd Fazli Hasan, Suhaida Abd Kadir dan Soaib Asimiran. 2013. Hubungan Penglibatan Sekolah dengan Persekitaran Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. Jilid 38(2):1-9.
- Mohd Jaflus Bahari. 2013. Faktor-faktor yang Menghalang Penglibatan Pelajar dalam Kegiatan Kokurikulum Sukan di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Seremban. Jabatan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Tesis Sarjana: Maktab Pengurusan Islam.
- Muhamad Fikri Abd Razak. 2019. Hubungan Pengurusan Kokurikulum dan Penguasaan Kemahiran Insaniah Pelajar Sekolah Menengah di Klang. Tesis Sarjana: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mustafa Kamal Ali. 2000. Faktor yang Mempengaruhi Penglibatan Pelajar Melayu Tingkatan Empat dalam Aktiviti Kokurikulum di Rancangan FELDA Daerah Segamat Selatan. Tesis yang Tidak Diterbitkan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Noor Azzam Syah Mohamed, Teoh, H. K., Noor Azzura Mohamed dan Noor Hassline Mohamed. 2017. Proses Pelaksanaan Pengurusan Kokurikulum yang Diamalkan oleh Kumpulan Pengurusan Kokurikulum (KPP KOKU) di Sekolah Menengah Harian, Lembah Klang. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*. Jilid 5(1):31-54.
- Nor Suhara Fadzil dan Jamil Ahmad. 2010. Kepentingan Kokurikulum dalam Pendidikan di Sekolah Menengah. *Prosiding of the 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI dan UPSI*. Bandung, Indonesia. Hlm. 56-69.
- Norazila Mat, Muhammad Syafiq Noordin, Nur Atiqah Abdullah, Nazri Muslim dan Jamsari Alias. 2017. Pembentukan Kemahiran Insaniah Pelajar Melalui Badan Beruniform di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*. Jilid 20:33-46.
- Norhidayati Hassan dan Muhammad Hussin. 2018. Kompetensi Guru Terhadap Pengurusan di Sekolah Menengah Daerah Mersing. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam*. Tesis Sarjana: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Paul, R. And Edler, L. 2001. *Critical Thinking: Tool for Taking Charge of Your Learning and Your Life*. New Jersey: Prentice Hall.

- Poh, S. H. 2000. *Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Rosnida Othman dan Nur Farrah Azwa Jasni. 2016. Faktor yang Mempengaruhi Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol. 1:91–100. Dipetik dari <http://myjms.moe.gov.my/index.php/PMJSSH/article/download/1276/47>. Dicitak 24 Disember 2019.
- Stoner, J.A., Freeman, R.E., and Gilbert, D.R. 1995. *Pengurusan*. (6th Edition). Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Sullivan, F. R., and Wilson, N. C. 2015. Playful Talk: Negotiating Opportunities to Learn in Collaborative Groups. *Journal of the Learning Sciences*. Vol. 24(1):5-52.
- Suzie Joe. 2015. Isu-isu Pelaksanaan Kokurikulum di Sekolah. Dipetik dari <https://www.scribd.com/doc/257310373/Unit-2-Isu-Isu-Pelaksanaan-Kokurikulum-Di-Sekolah-pdf>. Dicitak 22 November 2019.
- Syed Kamaruzaman Syed Ali, Muhamad Akbar Zahidi dan Rahmad Sukor Ab. Samad. 2014. Faktor Kekangan Ibu Bapa dan Persekitaran Sekolah dalam Pelaksanaan Pengajaran Pendidikan Jasmani di Sekolah Rendah. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*. Jilid 2(2):34-54.
- Tam, Y. K. 2010. *Pengurusan Kokurikulum*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Wardatul Aishah Musa dan Nooraini Othman. 2014. Kesedaran Kendiri Terhadap Aktiviti Kokurikulum dan Keberkesannya Kepada Remaja. *E-Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR 2014*. 3(2):98-110.
- Weelan, S. A. 2010. *Creating Effective Teams: A Guide for Member and Leaders*. (3rd Edition). Thousand Oaks: SAGE Publication, Inc.
- Yukl, G. 2001. Leadership in Organizations, <http://www.ncsl.org.uk/media-F7B-97-randdleaders-business-yukl.pdf>. Dicitak 18 Disember 2019.
- Zulkifli Hassan and Norazilawati Abdullah. 2016. Penilaian Guru Sekolah Rendah di Daerah Kinta Utara Terhadap Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Tesis Sarjana: Universiti Pendidikan Sultan Idris.